



SOALAN PRAKTIS BESTARI
PROJEK JAWAB UNTUK JAYA (JUU) 2019



SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
EKONOMI

3767/2

Kertas 2 Set 1

2 ¼ jam

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab semua soalan daripada **Bahagian A** dan pilih dua soalan daripada **Bahagian B**.
3. Jawapan **Bahagian A** hendaklah ditulis di ruangan yang telah disediakan. Manakala jawapan di **Bahagian B** hendaklah ditulis di atas kertas kjang.
4. Anda dinasihati supaya mengambil masa **75 minit** untuk menjawab soalan dalam **Bahagian A** dan **60 minit** untuk menjawab soalan dalam **Bahagian B**.
5. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.
6. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.
7. Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	20	
	2	20	
	3	20	
B	4	20	
	5	20	
	6	20	
	7	20	
Jumlah			


Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

Bahagian A

[60 markah]

*Jawab **semua** soalan dalam bahagian ini.*

- 1 (a) Rajah 1 menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran sebuah ekonomi.



Jelaskan keadaan kombinasi pengeluaran di titik P dan titik Q.

[4 markah]

YAYASAN PAHANG

(b) Bagaimanakah sistem ekonomi campuran menyelesaikan masalah asas ekonomi berikut:

(i) Apa yang hendak dikeluarkan [2 markah]

(ii) Bagaimana hendak dikeluarkan [3 markah]

(iii) Untuk siapa hendak dikeluarkan [2 markah]

- (c) Jadual di bawah menunjukkan hubungan antara harga Barang X dengan kuantiti permintaan Barang Y

Harga Barang X (RM)	Kuantiti Barang Y diminta (Kg)
2	10
6	20

- (i) Apakah hubungan antara barang X dengan barang Y ? [1 markah]

- (ii) Jelaskan mengenai barang di c(i). [4 markah]

(d) Jelaskan kesan peningkatan harga petrol ke atas pasaran kereta persendirian tempatan.

[4 markah]

2 (a) Terangkan dua fungsi wang dalam ekonomi.

[4 markah]

(i)

(ii)



[5 markah]



KUALA LUMPUR: Kerajaan memberi jaminan meneruskan pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo, yang menelan belanja RM 29 bilion. Lebuhraya ini akan menghubungkan Sabah dan Sarawak melalui Brunei serta rangkaian jalan raya Lebuhraya Trans-Kalimantan, Indonesia.

Bagaimanakah projek pembangunan di atas dapat memberikan faedah kepada rakyat?
[6 markah]



(d) Jadual di bawah menunjukkan butiran perbelanjaan Firma Maju Jaya.


Butiran	RM
Sewa bangunan	4 000
Kos upah buruh	5 000
Kos bahan mentah	20 000
Bil air dan elektrik	1 000

Firma Maju Jaya mengeluarkan 1000 unit keluaran dan menjualnya dengan harga RM 45 seunit.

(i) Hitungkan untung. [2 markah]

(ii) Jelaskan konsep untung. [3 markah]

3 (a) Maklumat di bawah berkaitan satu keluk permintaan.



Jelaskan mengenai keluk permintaan tersebut.

[3 markah]


(b) Maklumat di bawah berkaitan satu perjanjian perdagangan.

ASEAN Free Trade Area atau AFTA ialah perjanjian perdagangan bebas yang dibuat oleh Persatuan Negara-negara Asia Tenggara untuk pengeluaran tempatan semua negara yang terlibat.

Terangkan faedah yang diperoleh daripada perjanjian di atas.

[4 markah]

(c) Maklumat berikut berkaitan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia mengikut aktiviti ekonomi bagi suku tahun ketiga 2018.



Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia 2018

Jelaskan keadaan KDNK negara.

[5 markah]

(d) Maklumat berikut berkaitan dengan pertukaran asing.

Malaysia memiliki mata wangnya sendiri dalam sebutan Ringgit Malaysia. Namun Malaysia juga berusaha memiliki pelbagai jenis mata wang asing seperti Dolar Amerika, Dolar Singapura dan Yen Jepun.

(i) Apakah kepentingan tindakan di atas kepada Malaysia? [4 markah]

(ii) Pemilikan mata wang di atas membolehkan satu bentuk urusanniaga perdagangan antarabangsa dijalankan. Jelaskan.

[4 markah]

Bahagian B

[40 markah]

*Jawab mana- mana **dua** soalan dalam bahagian ini.*

4. Pernyataan di bawah berkaitan dengan tindakan kerajaan.

RM 1.9b subsidi, insentif untuk 155,000 pesawah

KUALA LUMPUR: Sebanyak RM1.9 bilion subsidi dan insentif sudah dibelanjakan oleh kerajaan kepada 155 000 pesawah padi di seluruh negara sejak awal tahun ini. Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman berkata jumlah subsidi yang diperuntukkan kepada sektor pertanian sejak awal tahun ini untuk membantu petani tempatan.

Sumber: Ubahsuai Berita Harian Online 21 November 2016

- (a) Mengapakah kerajaan menjalankan tindakan di atas? [4 markah]
- (b) Jelaskan kesan tindakan kerajaan tersebut ke atas pasaran padi. [7 markah]
- (c) Bantuan kewangan di atas memberikan kelebihan kepada petani berbanding pengguna.
Bersetujukah anda dengan pernyataan di atas? Berikan alasan. [9 markah]

5. Maklumat berikut berkaitan kemudahan pembayaran yang disediakan oleh sebuah institusi kewangan.

Menurut Malayan Banking Berhad (Maybank), penggunaan kad kredit dalam kalangan wanita Malaysia meningkat 129 peratus dalam tempoh lima tahun lalu. Pada 2016, pemegang kad wanita membelanjakan 15 peratus lebih daripada tahun sebelumnya bagi produk berkaitan insurans dan 10 peratus lagi bagi barangan keperluan harian.

Sumber : Ubahsuai Berita Harian, 3 Julai 2017

- (a) Jelaskan mengenai kaedah pembayaran di atas. [4 markah]
- (b) Penggunaan kemudahan di atas mendorong individu untuk membuat perbelanjaan melebihi pendapatan. Bincangkan. [8 markah]
- (c) Institusi kewangan di atas menerima dan membuat bayaran melalui arahan kepada bank. Jelaskan. [8 markah]

6 Maklumat di bawah berkaitan dengan masalah pengangguran.

Isu pemberhentian pekerja oleh beberapa syarikat di negara ini bukan disebabkan oleh kelembapan ekonomi tetapi lebih kepada penutupan ladang dan kecenderungan syarikat besar menggunakan lebih banyak mesin berbanding pekerja..

Sumber : *Ubah suai BERNAMA, 14 Ogos 2018*

(a) Huraikan mengenai sejenis pengangguran berkaitan maklumat di atas. [4 markah]

(b) Keadaan di (a) akan menimbulkan masalah dalam ekonomi sesebuah negara.

Bincangkan. [8 markah]

(c) Bagaimanakah dasar kewangan dapat memperbaiki keadaan tersebut? [8 markah]

7 (a) Maklumat di bawah berkaitan dengan eksport minyak kelapa sawit Malaysia.

China tingkat belian sawit Malaysia

KUALA LUMPUR 4 Mac. - China meningkatkan import minyak kelapa sawit Malaysia sebanyak 500,000 tan kepada 1.62 juta tan bernilai USD890 juta (RM3.4 bilion). Kerajaan China juga sedang meninjau untuk membeli lebih banyak produk dan minyak dari Malaysia. "China tidak mengenakan harga siling terhadap eksport Malaysia ke China bagi produk dan minyak sawit.

Menteri Industri Utama Malaysia Teresa Kok bersama Duta China itu telah menyaksikan majlis menandatangani dokumen pembelian produk sawit antara empat syarikat Malaysia dengan syarikat China.

Sumber : *Petikan daripada Berita Harian Online 4 Mac 2019*

(a) Jelaskan komposisi dagangan Malaysia di atas. [4 markah]

(b) Dengan bantuan gambar rajah yang sesuai, jelaskan kesan tindakan di atas terhadap pasaran minyak kelapa sawit. [7 markah]

(c) Aktiviti di atas memberi kesan positif kepada ekonomi Malaysia. Beri justifikasi. [9 markah]

SOALAN TAMAT